

Kuala Lumpur: Uda Ancasa Sdn Bhd (Uda Ancasa), cabang perniagaan perhotelan dan spa syarikat Uda Holdings Bhd, menyasarkan pertumbuhan perolehan antara tujuh hingga sepuluh peratus dalam perniagaan berkenaan tahun ini.

Tahun lalu, rangkaian Ancasa Spa dan Hotel mencatatkan perolehan sehingga RM40 juta menerusi operasi perniagaan di lapan cawangan antaranya di Kuala Lumpur, Port Dickson, Georgetown, Pudu dan Ipoh.

Timbalan Presiden Kanan Uda Leisure, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman berkata, unjuran pertum-

Uda Ancasa unjur pertumbuhan perolehan 10%

buhan perolehan tahun ini akan disokong oleh pembukaan dua cawangan iaitu di Pekan dan Johor Bahru.

Beliau berkata, Ancasa Royale River Resort & Spa di Pekan adalah pertama bertaraf empat bintang dan dijangka dapat mengembangkan perniagaan perhotelannya tahun ini.

“Cawangan Ancasa Royale River Resort & Spa dijangka dibuka sebelum berakhir suku kedua tahun ini dengan membabitkan pelaburan

mencecah RM18 juta. Kedu-dukannya berhampiran dengan kolej dan kawasan automotif dijangka dapat meningkatkan jumlah kemasukan pelanggan di hotel kami.

“Selain itu, di Johor Bahru ialah cawangan yang berhampiran dengan Pusat Beli-Belah Angsana dan ia turut dilihat berada di lokasi strategik kemasukan pelanggan terutama dari Singapura,” katanya kepada Bisnes Metro, semalam.